

NO. SOALAN : 45

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN MANIVANNAN A/L GOWINDASAMY
[KAPAR]**

TARIKH : 13 NOVEMBER 2017

SOALAN :

**YB. Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar] minta MENTERI
PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan :-**

- (a) usaha Kerajaan Persekutuan dalam melindungi warisan negara dan menjadikan warisan negara sebagai tarikan untuk menarik kedatangan pelancong ke negara kita. Apakah pendirian Kerajaan Persekutuan mengenai penemuan arkeologi di Sungai Batu, Kedah, dan jika ada, usaha yang akan dilakukan untuk melindungi bahan-bahan arkeologi itu; dan
- (b) apakah pelan Kerajaan Persekutuan untuk mengekalkan dan memelihara identiti dan sejarah masyarakat India seperti di Kedah (Lembah Bujang), Johor, Pahang dan beberapa lokasi lain di Malaysia.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini melalui Jabatan Warisan Negara (JWN) telah mengambil inisiatif dengan mewartakan khazanah warisan yang penting mengikut Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645] untuk tujuan pemuliharaan, pemeliharaan dan perlindungan. Selain itu, usaha juga dijalankan untuk mendapatkan pengiktirafan antarabangsa bagi mana-mana warisan yang berpotensi termasuk tapak, warisan kebudayaan tidak ketara, dokumentari dan lain-lain. Secara tidak langsung, usaha-usaha ini dapat memartabatkan dan mempromosikan warisan negara untuk menarik pelancong ke negara ini.

Kementerian ini melalui JWN dengan kerjasama Universiti Sains Malaysia masih meneruskan penyelidikan di tapak arkeologi Sungai Batu. Pendirian Kementerian adalah jelas yang mana akan melindungi mana-mana warisan penting termasuk di Sungai Batu dengan mewartakan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645]. Pewartaan ini penting untuk tujuan memulihara, memelihara dan melindungi tapak termasuk bahan arkeologi di tapak.

Sebagai makluman juga, tapak ini sedang dikaji kesesuaian untuk pencalonan sebagai Tapak Warisan Dunia pada masa hadapan sekiranya penyelidikan dan dokumen berkaitan telah lengkap serta memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh pihak UNESCO.

113

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian ini melalui jabatan dan agensi di bawahnya termasuk JWN sentiasa berusaha untuk mengekal dan memelihara identiti dan sejarah masyarakat pelbagai kaum termasuk kaum India di Malaysia. Justeru itu, JWN telah mewartakan beberapa bangunan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645] seperti Kuil Sri Subramaniam Swamy Batu Caves Selangor, Kuil Sri Poyyatha Vinayagar Moorthy, Melaka dan Bangunan Vivekananda Ashrama, Kuala Lumpur. Terdapat juga bangunan yang telah dimasukkan ke dalam senarai inventori JWN seperti Kuil Raja Mariaman Kovalu Johor Bahru, Kuil Seri Theduthapani Teluk Intan, Kuil Sri Mahamariamman Kuala Lumpur dan lain-lain yang sedang dilengkapkan maklumat untuk pertimbangan Jawatankuasa Pakar.

Begitu juga dengan warisan kebudayaan tidak ketara yang mempunyai signifikan dengan masyarakat India yang telah diwartakan sebagai warisan termasuk Tarian Khatak, Tarian Kuchipudi, Adat Valaikappu, Tarian Bharatha Natyam, Kuih Putu Mayam, Kuih Muruku, Capati, Permainan Kabbadi dan Silambam.

Selain itu, JWN juga telah mengiktiraf tokoh-tokoh kebudayaan India sebagai Tokoh Warisan Kebangsaan Orang Hidup seperti Puan Vatsala a/p G.R. Kurup (Tarian Bharathanatyam dan Katakali), Encik Ramli Ibrahim (Tarian Klasik dan Balet India) dan Encik Kumaresan Karthigesu (Seni Muzik Sitar) sebagai penghargaan atas peranan mereka dalam mewariskan kebudayaan ini kepada generasi muda.

Kementerian ini melalui Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) juga telah melaksanakan pelbagai aktiviti seni dan budaya bagi masyarakat India termasuklah di negeri Kedah, Johor, Pahang dan seluruh Malaysia melalui Jangkauan Seni dan Budaya, Asuhan Seni dan Budaya dan Pemuliharaan Seni dan Budaya seperti berikut;

1. Program Jangkauan Seni dan Budaya

- Festival Adat Pertunangan Masyarakat India (di bawah PMS Adat Resam: Festival Adat Masyarakat India) pada 15 Oktober 2016 di Sekolah SJKT Tanjung Rambutan, Perak.

- Permainan Tradisional Kabaddi pada 22 Oktober 2016 di Padang Awam Bukit Kerajaan, Kota Tinggi, Johor

- PMS Seni Beladiri: Kejohanan Seni Silat Silambam dan Budaya Silambam Malaysia pada 21 Ogos 2016 di Taman Layang-layang, Metropolitan Kepong.

- PMS Nilai-Nilai Murni: Celik Budi Varna Mayura- Painting The Peacock pada 15 Oktober 2016 di SRJK (T) Bangsa, Kuala Lumpur.

2. Program Asuhan Seni dan Budaya memberi pendedahan awal kepada unsur-unsur seni budaya dan warisan kepada kanak-kanak. Merangsang kreativiti & intelektualiti, menggilap bakat/kemahiran, menyediakan peminat/penyokong serta membentuk pewaris seni dan budaya. Bagi tahun 2017, sebanyak 11 buah Sekolah Rendah

Kebangsaan Jenis Tamil (SJK (T)) terlibat dengan program Kumpulan Tunas Budaya dengan penglibatan seramai 307 orang pelajar daripada seluruh Malaysia.

3. Bagi memperkasakan Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar-pelajar di SJK (T), JKKN dengan kerjasama BBK Seni India bagi melaksanakan Pertandingan Teater Bahasa Melayu di antara SJK (T) sejak 2007 dengan jumlah penglibatan seramai 5,190 pelajar dalam tempoh 11 tahun dan penglibatan 60 buah sekolah pada tahun 2017 berbanding 11 buah sekolah pada tahun 2007.
4. JKKN sentiasa membantu dan memberi ruang kepada BBK Seni India untuk mementaskan kesenian tradisional India melalui program Panggung Seni Tradisional dengan mengadakan persembahan tarian-tarian klasik India.
5. Masyarakat India juga sering dilibatkan di dalam program-program Kebangsaan seperti Sambutan Hari Kebangsaan, Majlis Rumah Terbuka Malaysia, Majlis Istiadat Keberangkatan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Citrawarna dan banyak lagi.

Sekian, terima kasih.